SAMPEL PERCUMA

Kertas Trial STPM Semester 1 Pengajian Perniagaan Kelantan 2023

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

946/1 STPM 2023

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 1
(1 Jam 45 Minit)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A*

*Jawab **semua** soalan 11 dalam Bahagian B*

Jawab soalan 12 atau 13 dalam Bahagian B

*Anda boleh menjawab kedua-dua soalan, iaitu 12 dan 13 tetapi hanya **satu** jawapan yang pertama akan diperiksa.*

Kertas soalan ini terdiri daripada empat halaman bercetak

Bahagian A [50 markah]

Jawab **semua** soalan

1. Berikan perbezaan syarikat sendirian berhad dan syarikat awam berhad dari aspek milikan dan sumber modal.
   [4]

2. Jelaskan **dua** aktiviti perniagaan berasaskan pengeluaran.
   [6]

3. Huraikan **dua** kaedah pemeriksaan yang dijalankan terhadap produk semasa proses pengeluaran.
   [4]

4. Huraikan **tiga** pendekatan kawalan kualiti dalam pengeluaran.
   [6]

5. Nyatakan **empat** strategi peletakan pasaran.
   [4]

6. Huraikan **tiga** faktor psikologi yang mempengaruhi gelagat pengguna.
   [6]

7. Huraikan sumber dana jangka pendek yang berikut:

   a. Overdraf
   [2]

   b. Pinjaman berjangka
   [2]

8. Huraikan **tiga** prinsip insurans
   [6]

9. Huraikan **tiga** langkah dalam proses perancangan sumber manusia.
   [6]

10. Nyatakan **empat** kepentingan latihan kepada pekerja.
    [4]

Bahagian B [50 markah]

Baca kajian kes di bawah dan jawab soalan yang mengikutinya

Ramly Burger : Jenama Tempatan Bertaraf Antarabangsa

11 Pengarah Urusan Kumpulan Ramly iaitu Datuk Dr. Hj. Ramly Mokni antara tokoh usahawan berjaya di Malaysia. Bermula dengan pengeluaran secara manual dan kecil – kecilan pada tahun 1984, kini Datuk Dr. Hj. Ramly Mokni telah berjaya mentransformasikan perniagaannya ke tahap komersial sehingga terkenal di peringkat antarabangsa.

Selepas 38 tahun beroperasi, Kumpulan Ramly kini memiliki kilang pemprosesan sendiri yang mampu mengeluarkan 10,000 keping daging burger sehari dan bakal meningkat kepada 6 juta sehari. Bagi memantapkan pengedaran dan perkhidmatan jualan kepada pelanggan, beliau menubuhkan sepuluh buah anak syarikat antaranya Ramly Halal Mart Sdn. Bhd., Ramly Halal Logistic Sdn. Bhd. dan Ramly Food Service Sdn. Bhd.

Makmal Mikrobiologi Ramly yang lengkap dengan peralatan berteknologi tinggi juga ditubuhkan berfungsi sebagai tempat penyelidikan dan pembangunan produk Ramly. Dalam usaha merealisasikan wawasannya, Datuk Dr. Hj. Ramly menyasarkan peningkatan pendapatan sebanyak 20 % dengan meningkatkan penghasilan produk sebanyak enam kali ganda. Beliau telah melaburkan RM500 juta bagi menubuhkan sebuah kilang pemprosesan berprestasi tinggi dan terbesar di rantau Asia yang terletak di Selangor Halal Hub, Pulau Indah. Kilang yang dilengkapi dengan kemudahan berprestasi tinggi dan terbesar di rantau ini bakal menghasilkan empat barisan produk iaitu burger, frankfurter, nugget dan meatball dengan lebih banyak dan cepat iaitu pada kadar 5 tan sejam bagi setiap satu produk. Selepas itu, kumpulan akan menambah dua barisan pengeluaran dengan pelaburan tambahan sehingga RM1 bilion dalam jangka masa tiga tahun lagi.

Beliau juga menyasarkan dalam tempoh setahun dua lagi, 30 % pengeluaran adalah untuk pasaran tempatan, manakala 70 % adalah untuk dieksport. Syarikat sedang meninjau pasaran eksport baru selain rantau Asean seperti Korea, Timur Tengah dan Eropah. Selain itu Kumpulan Ramly mengukuhkan lagi rangkaian Ramly Halal Mart dan Ramly Halal Kiosk kepada lebih 450 buah berbanding 16 kedai Ramly Halal Mart dan 12 kedai Ramly Halal Kiosk. Begitu juga dengan usahawan gerai burger, ketika ini dalam 25,000 hingga 30,000, namun selepas ini kami menyasarkan 50,000 hingga 100,000 usahawan gerai burger. Kami juga meninjau pasaran eksport baru seperti Jepun selain negara Asia bagi pemasaran produk Ramly yang ketika ini mempunyai sebanyak 108 produk SKU

F4: Pembuatan

H1: Aktiviti memproses bahan mentah yang dikeluarkan oleh industri ekstraktif untuk menghasilkan barang siap atau barang separa siap / setara

C1: Memproses getah untuk hasilkan tayar / proses kayu balak untuk hasilkan papan perabot / sesuai

F5: Pemasangan

H1: Aktiviti mencantum atau memasang komponen-komponen sesuatu produk bagi menghasilkan barangan siap untuk dipasarkan / setara.

C1: Pemasangan komponen kereta / komputer / sesuai

2 fakta pertama (1F + 1H + 1C) x 2 = 6m

3. Huraikan **dua** kaedah pemeriksaan yang dijalankan terhadap produk semasa proses pengeluaran.
[4]

1) Pemeriksaan Menyeluruh

H1: Pemeriksaan ini melibatkan pengambilan **setiap sampel produk** untuk dikaji dan diperiksa satu demi satu /

H2: Merupakan kaedah pengawalan kualiti terhadap **semua produk yang dikeluarkan** melalui proses pemeriksaan bagi mengesan produk yang rosak atau cacat dengan segera /

2) Pelan Pensampelan

H1: Kaedah ini merujuk kepada **pemeriksaan ke atas beberapa sampel kecil** yang diambil secara rawak dalam satu kumpulan atau lot produk /

H2: **Pemeriksaan satu sampel kecil produk** ini akan digunakan untuk membuat kesimpulan umum tentang sesuatu kumpulan produk yang dikeluarkan / setara

(1F + 1H) x 2 = 4m

4. Huraikan **tiga** pendekatan kawalan kualiti dalam pengeluaran.[6]

F1: Kawalan Input

H1: Merupakan kawalan ke atas input pengeluaran /seperti bahan mentah, tenaga kerja, mesin /

H2: kaedah yang dilakukan sebelum aktiviti pengeluaran bermula /

H3: Memeriksa semua input adalah yang terbaik dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan / setara

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar